



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
(Ministry of Health Malaysia)  
Bahagian Sumber Manusia  
Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000  
Web : www.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.S.500-2/32/23 ( 66 )  
Tarikh : 14 Oktober 2024

**Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Latihan  
Wilayah Persekutuan Putrajaya**

Puan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PENYELIA ASRAMA GRED N22 DI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan **Penyelia Asrama Gred N22** dan tawaran ini terbuka hanya kepada Penyelia Asrama Gred N19 yang sedang memegang Gred N22 mulai **29.01.2024, 04.02.2024 dan 16.05.2024**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memegang Gred N22 **melebihi enam (6) bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan**.

3. Bagi melaksanakan urusan ini, dimohon kerjasama puan untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang diperlukan seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan Buku Rekod Perkhidmatan mulai 01 Januari 2023** : 1 salinan
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023** : 1 salinan
- (c) **Pengesahan Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2021, Tahun 2022, Tahun 2023 dan Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPk) Tahun 2024** : 1 salinan

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)




CERTIFIED TO ISO 9001 :2015  
CERT NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015  
CERT NO : QMS 03659

4. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangkuan ke Gred N22, dimohon agar mengemukakan sesalinan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak puan, tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis berserta salinan dokumen sokongan yang berkaitan perlu dikemukakan kepada BSM, KKM.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ini adalah pada **22 November 2024 (Jumaat)**. Kerjasama puan, dalam memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

Bahagian Sumber Manusia  
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 9, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62590 W. P. PUTRAJAYA**  
**(u.p.: Puan Roziyah binti Zakaria)**

7. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak puan, untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, LKP I KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. **Ketua Jabatan** juga **bertanggungjawab** memastikan **tindakan tatatertib** bagi pegawai yang mempunyai rekod Tidak Hadir Bertugas (THB) **telah selesai dilaksanakan**. Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan kepada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.


9. Kerjasama puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)**

Bahagian Sumber Manusia


b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

## LAMPIRAN B

**SENARAI SEMAK (CHECKLIST) BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN  
KUMPULAN PELAKSANA, KKM**

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

	ADA	/	TIADA
1. Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023 (Muat turun melalui Kod QR berikut)	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>
 <small>BORANG NP(S)8.2.2023</small>			
2. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT 2021, 2022,2023 (Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan mukasurat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja)	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>
3. Salinan LNPK 2024	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>
4. Cabutan salinan Penyata Perkhidmatan pegawai yang mengandungi nama, jawatan (maklumat pelantikan serta pengesahan dalam perkhidmatan) dan catatan mulai Januari 2023 sehingga kini	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>
5. Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan (jika ada penangguhan lapor diri untuk pemangkuan)	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>
6. Salinan keputusan/laporan Lembaga Tatatertib (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>

**SENARAI PEGAWAI YANG TERLIBAT DENGAN KENAIKAN PANGKAT  
BAGI PENYELIA ASRAMA GRED N19 KE GRED N22**

BIL.	NAMA	TEMPAT BERTUGAS	NEGERI
1	MUHD AZAMUDDIN ASYRAF BIN MD ZIN	BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN	WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
2	KAMILAH BINTI MOHD ALWAI	BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN	WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
3	NOR AZUA BINTI MOHD BASRI	BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN	WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
4	NORZILAILA BINTI AHMAT AZEMI	BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN	WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

DISAHKAN OLEH :

NAMA : **ROZIAH BINTI ZAKARIA**  
JAWATAN : **Pembantu Tadbir Kanan  
Unit Naik Pangkat (Sokongan)  
Bahagian Sumber Manusia  
Kementerian Kesihatan Malaysia**  
TARIKH : **11.10.2024**